



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 12 TAHUN 1982

PENUBUHAN PANEL SABJEK LEMBAGA DAN PANEL SABJEK JABATAN DI DALAM PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM

Pendahuluan

1. Dengan berkuatkuasanya [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1982](#), maka sebuah Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam telah ditubuhkan bagi menyelaraskan perkara-perkara yang berkaitan dengan peperiksaan perkhidmatan. Lembaga ini merupakan badan yang tertinggi sekali bagi segala urusan peperiksaan di dalam Perkhidmatan Awam.

Panel Sabjek Lembaga dan Panel Sabjek Jabatan

2. Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam adalah bertanggungjawab terhadap semua peperiksaan perkhidmatan awam di Kementerian dan Jabatan Persekutuan. Bagi membantu Lembaga di dalam urusan peperiksaan perkhidmatan ini, maka beberapa panel akan ditubuhkan. Panel-panel ini terdiri daripada dua peringkat iaitu Panel Sabjek Lembaga dan Panel Sabjek Jabatan. Panel Sabjek Lembaga akan bertanggungjawab mengendalikan peperiksaan gunasama di mana peperiksaan ini akan diambil oleh pegawai-pegawai daripada berbagai Skim Perkhidmatan. Panel Sabjek Jabatan pula akan mengendalikan peperiksaan-peperiksaan seperti berikut:

- (i) Peperiksaan perkhidmatan yang khusus untuk sesuatu skim tertentu;
- (ii) Peperiksaan perkhidmatan yang berkehendakkan Ketua Jabatannya melaksanakan peperiksaan tersebut seperti Peperiksaan Ujian Kederasan bagi Jurutaip.
- (iii) Peperiksaan bagi sabjek-sabjek tertentu di mana peperiksaan tersebut tidak dikendalikan oleh Panel Sabjek Lembaga.

Peperiksaan Perkhidmatan di bawah Panel Sabjek Lembaga

3. Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam yang bermesyuarat pada 30hb Mac 1982 telahpun meluluskan penubuhan beberapa Panel Sabjek. Panel-panel Sabjek Lembaga yang telah ditubuhkan serta sukatan-sukatan peperiksaan yang tergolong di bawah panel-panel ini adalah sebagaimana yang dinyatakan di Lampiran "A". Dengan ini mana-mana pegawai yang ditetapkan di dalam sukataannya supaya mengambil peperiksaan bagi sabjek-sabjek tersebut, bolehlah mengambil peperiksaan yang dikendalikan oleh panel Sabjek Lembaga.

Peperiksaan Perkhidmatan di bawah Panel Sabjek Jabatan

4. Dengan berkuatkuasanya [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1982](#), maka Lembaga Peperiksaan Jabatan sebagaimana yang wujud di Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan dengan ini adalah dimansuhkan. Agensi-agensi Kerajaan sekarang ini hendaklah mengambil tindakan menubuhkan panel-panel sabjek jabatan bagi mengendalikan peperiksaan sebagaimana di perenggan 2 di atas. Agensi-agensi Kerajaan boleh menubuhkan satu panel atau

beberapa panel bergantung kepada subjek-subjek tertentu. Setiap Panel Subjek Jabatan hendaklah terdiri sekurang-kurangnya daripada 2 orang ahli dan senarai ahli-ahli yang menganggotai panel ini hendaklah dimajukan kepada Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam bagi mendapatkan pengesahan perlantikan daripada Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam.

Penumpangan Pegawai-pegawai Dari Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan

5. Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan boleh menumpangkan pegawai-pegawainya untuk mengambil peperiksaan perkhidmatan yang dikendalikan oleh panel Subjek Lembaga atau Panel Subjek Jabatan di sesebuah agensi kerajaan yang lain-dengan syarat bahawa sukatan peperiksaannya adalah sama. Segala permohonan untuk penumpangan calon ini hendaklah dimajukan kepada Urusetia Peperiksaan dan Urusetia ini akan berusaha mendapatkan kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan berkenaan bagi urusan penumpangan ini.

Penumpangan Calon-calon ke Jabatan lain

6. Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan yang mempunyai 1 atau 2 orang pegawai yang disyaratkan mengambil peperiksaan perkhidmatan, sedangkan peperiksaan tersebut ada dijalankan oleh sebuah Jabatan yang lain, maka Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan tersebut bolehlah menumpangkan pegawai-pegawainya untuk mengambil peperiksaan ini di Jabatan berkenaan. Umpamanya Pelukis-pelukis Pelan di Kementerian Pertahanan mungkin boleh menumpang mengambil peperiksaan perkhidmatan Pelukis Pelan yang dianjurkan oleh Jabatan Kerjaraya.

7. Segala permohonan bagi urusan penumpangan ini hendaklah dimajukan kepada Urusetia Peperiksaan dan Urusetia ini akan berusaha mendapatkan kerjasama Jabatan berkenaan untuk urusan penumpangan ini.

8. Senarai Jabatan dan jenis peperiksaan yang boleh Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan menumpangkan calon-calonnya adalah sebagaimana di Lampiran "B".

Kuatkuasa

9. Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(MOHD NOORANI BIN KAMARUN)
*Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.*

1hb Jun, 1982

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,
Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun,
Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan,

